

SHAH ALAM, 20 JUN (BERNAMA) -- PARA ULAMA DAN BIJAKPANDAI ISLAM HARI INI DIGESA MENCAPI KATA SEPAKAT BAGI MERANGKA SATU RANCANGAN PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN YANG KONKRIT LAGI KEMAS UNTUK DILAKSANAKAN DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SIDANG MUZAKARAH PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM DI YAYASAN PENGAJIAN TINGGI SELAMA TIGA HARI DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA DISINI.

BELIAU JUGA BERHARAP MUZAKARAH ITU DAPAT MEMUTUSKAN BAGAIMANA PERLAKSANAAN PENYAMPAIAN AJARAN ISLAM YANG PROGRESIF DAN DINAMIS DAPAT DILAKUKAN BAGI MENCAPI MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM DI PUSAT-PUSAT TERSEBUT.

+PADA HEMAT SAYA, HINGGA SEKARANG BELUM ADA SATU KATA SEPAKAT DIN KALANGAN ULAMA DAN BIJAKPANDAI ISLAM MENGENAI RANCANGAN PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM SAPERTI KURIKULUM DAN BENTUK-BENTUK AKTIBITI YANG KEMAS DAN DAPAT DILAKSANAKAN.

+BAHKAN BELUM ADA KATA SEPAKAT DI KALANGAN MEREKA TENTANG MATLAMAT YANG DITUJU DARI PENDIDIKAN ISLAM ITU SENDIRI,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERSAMBUNG 1303/SZ

51
B522
MAHATHIR 2 SHAH ALAM

BELIAU BERKATA, PENGAJIAN ISLAM DI PUSAT-PUSAT TERSEBUT SANGAT PENTING BAGI MELENGKAPKAN SESEORANG PELAJAR DENGAN PENGETAHUAN AGAMA DENGAN HARAPAN MEREKA INI AKAN MENGEKALKAN KEMURNIAN ISLAM DARI PENGARUHI OLEY UNSUR-UNSUR LUAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGEMUKAKAN TIGA PENDAPAT UNTUK DIJADIKAN BAHAN PERBINCANGAN KALANGAN BIJAKPANDAI ISLAM TERUTAMANYA YANG HADHIR DI SIDANG MUZAKARAH ITU,+

+RANCANGAN PENGAJIAN DAN PENDIDIKAN ISLAM YANG KONKRIT MESTILAH DIBUAT SETELAH MENELITI, MENKAJI DAN MENILAI SEMUA ASPEK YANG MEMPENGARUHI BIDANG PENDIDIKAN ITU SENDIRI.

APANYA; ASPEK PERBEZAAN LATAR BELAKANG PENGAJIAN ISLAM PELAJAR SEBELUM MEREKA KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI HENDAKLAH DIJADIKAN PERHATIAN UTAMA DALAM MERANGKA KURIKULUM.

MASALAH-MASALAH NEGARA PATUT DITONJOLKAN DALAM PENYURUSAN SUKATAN PELAJARAN PENGAJIAN ISLAM DI SAMPING MENEKANKAN MASALAH AKIDAH ISLAMIAH SEBAGAI PERKARA POKOK.

-- BERSAMBUNG 1305/SZ

B523
MAHATHIR 3 SHAH ALAM

+TUJUAN DAN MATLAMAT DARI PENGAJIAN SERTA PENDIDIKAN ISLAM HENDAKLAH DITERANGKAN DENGAN SEJELAS-JELASNYA DI DALAM RANCANGAN YANG AKAN DILAKSANAKAN ITU.

INI BOLEH MENGELAKKAN SALAHFAHAM DAN PRASANGKA YANG BUKAN-BUKAN DARI GOLONGAN TERTENTU, KATANYA.

+PERLAKSANAAN PENGAJIAN ISLAM, HENDAKLAH DALAM KEADAAN YANG TIDAK MENIMBULKAN KESUSAHAN, KERUMITAN DAN KERESAHAN KEPADA MANA-MANA PERAK ATAU GOLONGAN YANG BERKENAAN.

DISAMPING ITU, PENYAMPAIAN JUGA BIARLAH DALAM LINGKUNGAN YANG RASIONAL DAN MUNASABAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RANCANGAN PENGAJIAN ISLAM JANGANLAH SEMATA-MATA UNTUK MENYENTUH PERKARA-PERKARA IBADAT SAHAJA +BAHKAN HENDAKLAH JUGA MENIMBULKAN SEMANGAT UNTUK KEMAJUAN DAN KEBAHAGIAAN DUNIA.+ -- BERSAMBUNG 1307/SZ